

03/09/2000

Regu MPAJ sekat kehebatan Yala Thailand

Rokaid Chik

SEPERTI diramal, regu Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor (MPAJ) yang membariskan trio - Nor Zazlan Mohd Zain (tekong); Roslan Said (apit kanan) dan Zaidi Rashid (apit kiri) - berjaya membenam regu handalan Yala Thailand (Yamud C) dalam pertandingan akhir Kejohanan Sepak Takraw Machang Open 2000, lewat petang semalam.

Kemenangan itu sekali gus menjadikan pasukan Yala Thailand (Yamud C), mangsa kerakusan MPAJ di Gelanggang Tertutup Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Kelantan, Machang, yang disaksikan lebih 1,000 penonton.

MPAJ menjuarai kejohanan itu dengan mencatat mata 15-9; 15-13.

Kombinasi kuat regi MPAJ yang membariskan tiga trio mereka mengambil langkah mudah bagi menundukkan regi Yala Thailand.

Kemenangan istimewa itu melayakkan regu MPAJ membawa pulang piala iringan dan medal serta wang tunai sebanyak RM1,000 yang ditawarkan penganjur iaitu Saz Studio Sdn Bhd dengan kerjasama UiTM dan Persatuan Sepak Takraw Daerah Machang (Pro M).

Pertarungan hebat dua regu berkenaan lewat petang semalam itu dilihat bagaikan pertarungan dua gergasi sepak takraw Malaysia yang diwakili oleh MPAJ, manakala Thailand diwakili regu Yala Thailand.

Tempat kedua dimenangi pasukan Yala Thailand (Yamud C) dengan memperolehi medal dan wang tunai sebanyak RM500, dan diikuti tempat ketiga Pasukan Gual Ipoh, Tanah Merah menerima medal dan wang tunai RM300, makala tempat keempat dimenangi regu Kota Bharu `A' dengan memperolehi wang tunai sebanyak RM200.

Hadiah disampaikan Presiden Persatuan Bekas Pelajar MRSM (Ansara), Mukhriz Mahathir. Turut hadir, Pengarah Saz Studio Sdn Bhd, Sazmi Miah dan Provos UiTM cawangan Kelantan, Prof Madya Dr Hussin Ab Rahman.

Bagi regu MPAJ, keputusan mereka bertandang ke gelanggang UiTM itu memberi makna yang besar walaupun peringkat awal nyaris dibelasah oleh pasukan lain sebelum muncul johan dalam kejohanan itu.

Pengurus pasukan MPAJ, Sufian Salleh, berkata kemenangan MPAJ lewat petang semalam sebagai satu hadiah istimewa kepada semua warga MPAJ khususnya Yang Dipertuanya, Mohd Nik Mohamad, yang memberi sokongan moral serta bantuan kewangan.

"Kita akui kehebatan pasukan Yala Thailand terutama melalui servis kuda tekong handalannya, Marosee Yamarodeng, namun berkat kekuatan semangat untuk menundukkan pasukan berkenaan, kita menang.

"Permainan ini kita anggap sebagai satu maruah, bukan saja kepada regu MPAJ tetapi untuk Malaysia kerana kita bertemu dengan pasukan Yala Thailand yang sememangnya handal, juga bekas pemain kebangsaan mereka," katanya.

(END)